

**Putrajaya:** Kerajaan sudah membatalkan kemudahan kemasukan tanpa visa bagi pelancong China dan India menerusi Sistem Maklumat Pendaftaran Pelancong Elektronik (eNTRI) serta-merta bagi mengawal risiko penularan Covid-19.

Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hamzah Zainudin berkata, sekatan kemasukan pelancong dan warga asing dari negara berisiko tinggi juga diteruskan.

"Perkara ini adalah salah satu dasar penting bagi mengawal kemasukan warga asing dan penularan Covid-19 ke Malaysia pada masa depan," katanya ketika

menyampaikan amanat tahun barunya secara langsung di Facebook.

"Untuk rekod, pelaksanaan eNTRI bagi pelawat China dan India memasuki Malaysia atas tujuan melancong atau sosial selama 15 hari mula dilaksanakan 1 Mac 2016 buat pelancong China, sebelum diperluaskan kepada pelancong India pada 1 April 2017 dengan lanjutan dilaksanakan secara tahunan mengikut keperluan," katanya.

Harian Metro melalui laporan khususnya pada No-

vember 2018 mendedahkan kemudahan eNTRI yang kononnya mampu menyaring pelancong dari China tidak menepati matlamat sebagai satu sistem saringan atau tapisan awal, sebagaimana diuar-uarkan.

Sebaliknya, kemudahan itu dikesan sekadar menyalurkan wang secara mudah kepada sebuah syarikat yang diberi hak eksk-

lusif oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN) untuk menguruskannya sejak 2016.

Syarikat swasta itu diberi akses penuh untuk mengeluarkan eNTRI didapati membolot semua hasil kutipan fi iaitu RMB160 atau RM100 untuk satu permohonan tanpa sedikitpun menjadi hasil kerajaan.

“  
Salah satu  
dasar penting  
bagi mengawal  
kemasukan  
warga asing  
Hamzah

## Kemasukan tanpa visa *dibatalkan*

kemasukan seekor beruk sebagai pelancong ke Malaysia.

Untuk rekod, wartawan membuat permohonan eNTRI dengan menyertakan foto seekor beruk, nombor tiket palsu dan alamat sebuah agensi pihak berkuasa di Malaysia.

Susulan pendedahan eksklusif itu, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) segera melancarkan siasatan. Beberapa individu terdiri daripada pekerja syarikat, ahli politik turut disiasat dan didakwa, malah perbincangan berkaitan kes itu masih sedang berjalan.

Malah, urusan permohonan eNTRI secara talian dilakukan sambil lewa dengan kelulusan dalam masa cuma lima minit dan aspek keselamatan negara nyata diabaikan apabila individu yang disenarai hitam serta ada rekod jenayah turut diberi kelulusan masuk ke negara ini.

Wartawan yang 'terbang' ke negara Tembok Besar itu berjaya membuktikan kelemahan sistem berkenaan yang mana hanya lima minit selepas permohonan dan fi dibayar, eNTRI meluluskan